

**Parlimen: Malaysia Catat Pelaburan RM35.8 Billion Bagi Tempoh Lapan Bulan Pertama Tahun Ini**  
**Bernama**  
**17 Oktober, 2011**

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Malaysia mencatatkan pelaburan langsung asing (FDI) dan pelaburan domestik (DI) RM35.8 bilion bagi keseluruhan 585 projek perkilangan yang diluluskan untuk tempoh lapan bulan pertama tahun ini.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri Datuk Mukhriz Tun Dr Mahathir berkata, daripada jumlah itu, RM19.4 bilion (54.2 peratus) adalah FDI manakala RM16.4 bilion (45.8 peratus) adalah DI.

"Lima sektor utama yang menyumbang kepada jumlah FDI yang diluluskan dari 2010 hingga Ogos lepas adalah produk elektronik dan elektrik (RM19.1 bilion), produk logam asas (RM6 bilion), kimia dan produk kimia (RM4.9 bilion), produk galian bukan logam (RM3.6 bilion) dan pengilangan makanan (RM2.9 bilion).

"Sektor utama yang menyumbang kepada jumlah DI yang diluluskan ialah kelengkapan pengangkutan (RM6.5 bilion), produk petroleum termasuk petrokimia (RM6.4 bilion), produk logam asas (RM4.4 bilion), produk logam fabrikasi (RM3.3 bilion) dan produk elektronik dan elektrik (RM2.7 bilion)," katanya ketika menjawab soalan Datuk Tajuddin Abdul Rahman (BN-Pasir Salak) di Dewan Rakyat, di sini Isnin.

Tajuddin ingin mengetahui perbandingan di antara FDI dan DI dalam tempoh setahun yang lalu.

Semasa menjawab soalan tambahan Tajuddin berhubung pelaburan di Proton City, Tanjung Malim dan jumlah pelaburan yang memasuki Perak, katanya: "Proton telah melabur RM1.6 bilion membangunkan Proton City dan kini merancang untuk membina kilang pemasangan kenderaan pengeluar kenderaan asli (OEM) dan kilang membuat enjin yang melibatkan pelaburan sebanyak RM800 juta.

Selain itu, Mukhriz berkata lima syarikat tempatan telah membuat pelaburan RM46 juta untuk membina kilang sebagai vendor kepada Proton.

"Bagi negeri Perak, dari 2006 hingga Ogos lepas, 288 projek telah diluluskan melibatkan pelaburan RM11.2 bilion yang akan memberi hampir 30,000 peluang pekerjaan," katanya.

Menjawab soalan Mohamed Azmin Ali (PKR-Gombak) berhubung pendirian kerajaan sama ada memberi tumpuan kepada FDI atau DI dan usaha menarik kembali keyakinan beberapa syarikat tempatan melabur di luar negara, katanya kedua-dua pelaburan itu mempunyai kepentingan kepada negara.

"Kedua-dua FDI dan DI penting kepada negara walau pun usaha untuk mengimbangi kedua-dua pelaburan masih perkara rumit kerana FDI di Malaysia terus meningkat dan tidak nampak corak menurun.

"Walau pun iklim pelaburan dunia kini dilihat lembab dan Malaysia tidak mampu menarik FDI, namun sebaliknya yang berlaku kerana Malaysia terus menjadi destinasi pilihan pelabur asing," kata Mukhriz.

Mukhriz berkata beberapa tindakan susulan diambil untuk menarik dan mendapatkan keyakinan syarikat tempatan untuk kembali melabur di negara ini berikutan DI menunjukkan peningkatan positif.

---BERNAMA

Hakcipta © 2011 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=620476>